

27 NOV 1999

Mahathir - DAP

DR MAHATHIR KECEWA PEMBANGKANG LEMPAR FITNAH PADA FORUM ANTARABANGSA

BUKIT MERTA JAM, 27 Nov (bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan tindakan parti pembangkang melemparkan pelbagai fitnah dan pembbohongan terhadap kerajaan pada forum antarabangsa kononnya tidak ada kebebasan di negara ini.

Perdana Menteri berkata tuduhan pembangkang terutamanya DAP kononnya kerajaan tidak adil dan tidak memberi kebebasan kepada mereka adalah sesuatu yang palsu kerana, jika perkara itu benar, mustahil DAP boleh bergiat aktif di negara ini.

Katanya, walaupun DAP begitu bebas melemparkan fitnah dan pembbohongan, kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap mereka dan ini membuktikan bahawa kebebasan benar-benar wujud di negara ini.

"Kita tengok DAP begitu bebas dan dapat melemparkan fitnah dan pembbohongan dan itupun tidak diambil tindakan terhadap mereka. Namun mereka masih mendakwa kononnya kerajaan tidak bertindak adil terhadap parti-parti lawan pada forum antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas mendengar pengakuan bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP, Abdul Muluk Daud bahawa parti itu menerima sumbangan kewangan daripada pihak asing untuk menjalankan aktivitinya.

Pada pertemuan ringkas Abdul Muluk dan beberapa bekas anggota DAP lain dengan Perdana Menteri itu, Muluk mendedahkan bahawa DAP mengatur rombongan seramai 10 orang ke Sweden untuk mengunjungi Swedish Social Democratic Party (SAP) antara 19 Mei dan 30 Mei, 1996, iaitu parti pemerintah di negara berkenaan dan pemergian mereka bukan atas jemputan parti itu.

Dalam lawatan ke Sweden itu, anggota rombongan DAP itu menemui pemimpin-pemimpin negara itu selain Pertubuhan Hak Asasi Manusia di Stockholm untuk mempertikaikan sistem kehakiman dan hak asasi di Malaysia, kata Abdul Muluk.

Dr Mahathir melahirkan dukacitanya terhadap perbuatan DAP itu.

"Saya dukacita kerana kalaupun kita ada keburukan, kita tidak harus mendedahkannya pada orang lain. Kita boleh selesai semua dalam negara ini," katanya.

Beliau juga berkata, perbuatan itu jelas membuktikan bahawa pembangkang memang tidak mempunyai kemampuan untuk memberikan idea yang bernas dan apa yang mereka tahu ialah hanya menentang kerajaan.

Perdana Menteri membidas pembangkang yang tidak pernah mencadangkan sebarang cara alternatif untuk menyelesaikan masalah dan menyifatkan belanjawan yang dikemukakan pembangkang sebagai hanya "sehelai kertas".

Katanya, belanjawan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh kerana tidak menyatakan dengan jelas perkiraan tentang pendapatan, perbelanjaan dan hanya dibuat untuk tujuan pilihan raya semata-mata.

Abdul Muluk mendedahkan sepucuk surat yang ditandatangani oleh Timbalan Setiausaha Antarabangsa SAP Roger Hallhag pada 10 Nov 1995 mengenai pembiayaan tiket penerbangan mereka ke Sweden serta sepucuk lagi surat bertarikh 15 Mei 1996 yang menjelaskan bahawa lawatan itu sebenarnya adalah atas permintaan DAP.

Dalam ucapan ringkas Muluk di hadapan Perdana Menteri, beliau berkata parti itu ada menerima bantuan kewangan untuk melaksanakan aktiviti parti itu tetapi bukan untuk pilihan raya.

Selepas itu, seorang lagi bekas pemimpin DAP, Ahmad Aki, yang telah meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bandar dan Desa DAP Perak mengumumkan pendiriannya tidak lagi menyokong parti itu kerana

mendapati ia tidak boleh dipercayai untuk memimpin pembangkang.

Katanya, selama 28 tahun menjadi anggota DAP, beliau telah bermati-matian menyokong parti itu dan apabila DAP bekerjasama dengan parti-parti pembangkang yang lain, perjuangan parti itu telah jauh menyimpang.

Lantaran itu, beliau bertindak keluar daripada parti itu pada 19 Nov lalu dan membuat keputusan mengoyakkan kad keahlian seumur hidupnya di hadapan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

ZU MAI